

# Blogger boleh bantu redakan kebimbangan

*Pengguna komputer juga boleh hulur bantuan jika timbul krisis atau ancaman penganasan*

Oleh **CHAIRUL FAHMY HUSSAINI**  
chairul@sph.com.sg

PARA pengguna komputer dan blogger boleh membantu meredakan kebimbangan jika terdapat krisis-krisis yang timbul, termasuk daripada ancaman penganasan.

Menyatakan demikian semalam, Timbalan Perdana Menteri, Encik Wong Kan Seng, berkata mereka boleh menjadi seperti para deejay-deejay radio demi membantu

menjaga semangat masyarakat.

“Dalam sesuatu krisis, apa saja pandangan kita berkenaan dengan isu-isu yang timbul, kita mesti sentiasa bersama dan kekal bersatu.

“Bagi pihak kita, pemerintah akan berusaha sebaiknya untuk menyebarkan maklumat tepat kepada umum secepat mungkin,” kata Encik Wong semasa berucap di Seminar Kebangsaan CEP 2009, yang diadakan di Orchid Country Club Yishun, pagi semalam.

Menurut beliau, penyebaran maklumat itu boleh dilakukan menerusi saluran awam televisyen, radio dan laman-laman milik pemerintah.

Encik Wong juga berkata, program Mendampingi Masyarakat (CEP) yang diwujudkan tiga tahun lalu, akan terus diluaskan.

Kini, lebih banyak tumpuan akan diberikan kepada usaha menarik penyertaan beliau dan mempertingkat keupayaan peserta dan pemimpin masyarakat dalam menangani krisis dan kecemasan.

Di samping itu, Persatuan Rakyat

“Dalam sesuatu krisis, apa saja pandangan kita berkenaan isu-isu yang timbul, kita mesti sentiasa bersama dan kekal bersatu.

– **Encik Wong Kan Seng** (gambar).



(PA) – badan pengelola CEP – kini gigih memastikan kesemua 84 kawasan undi mencapai Pensijilan Sedia CEP menjelang akhir tahun ini.

Dalam ucapannya di majlis yang dihadiri sekitar 500 orang itu, Encik Wong turut mendedahkan tentang kemajuan yang dicapai CEP sejak pelaksanaannya pada 2007.

Umpamanya, lebih 110 pemim-

pin masyarakat telah menjalani latihan bagi Program Pembangunan Eksekutif Mendampingi Masyarakat (CEED).

Di bawah kelompok perguruan pula, hampir 450 guru, naib pengetua dan pengetua, telah menjalani latihan, sementara MCYS menerusi OnePeople.sg pula, telah melatih 80 orang sebagai pengantara.

Ia juga menganjurkan bengkel membina kepercayaan untuk seramai 50 orang dan mengatur 10 lawatan bagi sekitar 300 anggota IRCC.

PA juga akan mempertingkatkan tahap pensijilan bagi Anugerah Perpaduan CEP, sebagai mengiktiraf kawasan undi yang telah meraih Pensijilan Sedia CEP dan aktif bekerja sama dengan anggota Kumpulan Keyakinan Antara Kaum dan Agama (IRCC) dan wakil-wakil sekolah, untuk menggerakkan inisiatif-inisiatif CEP di akar umbi.

Menerusi kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan (MCYS), PA juga menyasarkan 15 buah kawasan undi untuk meraih Anugerah Perpaduan CEP pada tahun kewangan ini.

Menyentuh pula tentang usaha menarik lebih ramai beliau menyertai CEP, Encik Wong berkata beliau telah meminta pihak urusetia CEP untuk mengadakan CEED versi beliau.

Bekas peserta di kalangan beliau yang mengikuti program CEED

boleh meneruskan penyertaan mereka dengan menjadi pemudahcara di kem-kem yang berkaitan dengan CEP anjuran jabatan-jabatan Home Team, Pusat Harmony, OnePeople.sg, Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) atau sekolah-sekolah.

Sementara itu, ketua Pusat Antarabangsa bagi Keganasan Politik dan Penyelidikan Penganasan (ICPVTR), Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Profesor Rohan Gunaratna, dalam ucapannya mendedahkan bahawa ancaman penganasan masih wujud dengan kumpulan-kumpulan penganas seperti Al-Qaeda dan Jemaah Islamiyah (JI), bekerjasama demi mencapai matlamat mereka.

“Satu usaha menangani cabaran ini adalah dengan mempergiat lagi usaha mendidik rakyat tentang bahaya ekstremisme dan penyelewengan agama,” ujar Profesor Gunaratna, yang turut meluangkan masa menjawab beberapa soalan para hadirin tentang isu tersebut.